



PERATURAN ASRAMA DAN DEWAN MAKAN

A) ASRAMA

Semua pelajar ILP Kuala Lumpur **DIWAJIBKAN** untuk tinggal di asrama dan mematuhi segala Peraturan Tatatertib Pelajar termasuk ketetapan yang berikut:-

1. Pelajar diwajibkan untuk mematuhi Peraturan Keluar Masuk yang sedang berkuatkuasa.
2. Pelajar adalah diwajibkan menjaga kebersihan asrama dan persekitarannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih, selesa dan teratur.
3. Pelajar dilarang bertukar tempat atau bilik yang telah ditetapkan tanpa kelulusan Penyelia Asrama.
4. Tempat tidur mestilah sentiasa bersih dan kemas. Cadar dan sarung bantal hendaklah sentiasa digunakan. Pelajar diwajibkan menggunakan cadar ILP yang dibeli semasa pendaftaran. Dilarang meletakkan tilam atau bantal di atas lantai atau melipat tilam di atas katil.
5. Pelajar dilarang memaku, melekat, menulis, melukis atau menconteng di dinding, katil, almari, bantal, tilam dan lain-lain kemudahan yang disediakan. Pelajar akan dipertanggungjawabkan atas segala kerosakan kemudahan dan peralatan asrama serta peralatan kecemasan.
6. Perbuatan seperti membuat penyambungan elektrik, mengubahsuai pemasangan elektrik, membawa TV, video player, alat pemanas air dan peralatan seumpamanya adalah dilarang.
7. Pelajar tidak dibenarkan memasak atau menggunakan lingkatan ubat nyamuk.
8. Dilarang membawa sebarang makanan, minuman ke asrama kecuali makanan ringan (biskut) dan minuman air mineral.
9. Penghuni lelaki dilarang berada di asrama wanita dan sebaliknya.
10. Tidak dibenarkan membawa kawan, tetamu luar atau keluarga ke asrama melainkan di bilik tetamu, kantin atau tempat yang dikhaskan sahaja.

B) DEWAN MAKAN

1. Pelajar tidak dibenarkan masuk ke dalam Dewan Makan dengan berpakaian kotor, berseluar pendek dan bersinglet. Pelajar hendaklah berpakaian kemas, bersih dan bersopan.
2. Semasa menunggu giliran mengambil makanan sila beratur dan bersopan santun.
3. Dikehendaki membuang sisa-sisa makanan dan meletakkan semula peralatan ditempat yang disediakan.
4. Membawa masuk sebarang makanan dan peralatan dewan makan ke asrama adalah dilarang